

15/10/1998

Nato tidak serang Serbia

SHAH ALAM, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) tidak akan menyerang Serbia seperti yang dicanangkan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Barat tidak akan memperdulikan nasib golongan yang bukan sebangsa dengan mereka.

"Saya tidak percaya Nato akan serang kerana ini (masyarakat Kosovo) bukan kaum mereka, bukan bangsa mereka. Kalau bunuh ramai-ramai pun mereka akan kata... kami akan serang ...kami akan serang.

"Saya tengok kartun Md Desa (dalam NST) ..dia laung iii bom ii bom... setakat itu sajalah.

"Saya ingat...bagi dia orang, kalau mereka (rakyat Kosovo) ini nak mati... matilah. Macam juga kita ...kita susah kerana mereka tekan duit kita. Kita minta tolong daripada mereka supaya tahan pedagang mata wang ini...mereka tidak peduli dan sekarang ini, bila kena batang hidung dia, lainlah pula dia fikir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis sambutan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 98 di sini, hari ini.

Semalam, sekutu Nato meluluskan serangan udara terhadap pengganas Serb di Yugoslavia.

Serentak itu, Nato memberi tempoh empat hari kepada Presiden Yugoslavia, Slobodan Milosevic supaya menamatkan kekejamannya ke atas penduduk keturunan Albania di Kosovo, jika tidak mahu diserang.

Setiausaha Agung Nato, Javier Solana, berkata dengan kelulusan itu, Milosevic mempunyai 96 jam (daripada tempoh itu) untuk mematuhi tuntutan Nato, sebelum serangan dilancarkan.

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri mahu rakyat negara ini mengukuhkan perpaduan dan keamanan negara ini dengan mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di Kosovo.

Katanya, ramai masyarakat Kosovo yang dihukum oleh Serbia kerana berlainan agama, sebagaimana yang dilakukan oleh bangsa Serbia terhadap umat Islam Bosnia-Herzegovina.

(END)